

23 APR 2001

Mahathir-RMK8 (Sumber Manusia)

RMK8 BERI TUMPUAN SEDIAKAN TENAGA KERJA YANG MENYOKONG K-EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) akan memberi keutamaan kepada penyediaan lebih ramai tenaga kerja yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Beliau berkata, langkah itu perlu bagi memastikan negara mampu menghadapi cabaran globalisasi dan terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

Ketika membentangkan RMK8 di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata usaha meningkatkan produktiviti bergantung kepada penggunaan kandungan pengetahuan dalam semua aspek ekonomi serta bekalan tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Untuk tujuan itu, katanya usaha akan dipergiatkan lagi bagi menambah kapasiti institusi pendidikan dan latihan dengan memberi penekanan yang lebih dalam peningkatkan penawaran tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi.

Beliau berkata kapasiti program pendidikan dan latihan berkaitan sains dan teknologi di peringkat tinggi akan dipertingkatkan untuk mempercepatkan pencapaian nisbah 60:40 pelajar sains kepada sastera.

Sementara itu, katanya, penyediaan biasiswa bagi lepasan ijazah dan lepasan ijazah kedoktoran akan terus ditambah.

Bagi mencapai objektif itu, Perdana Menteri berkata sistem pendidikan dan latihan akan diubahsuai untuk memastikan graduan daripada institusi pendidikan tinggi dapat memenuhi keperluan pengetahuan dan teknologi baru bagi meransang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing.

Sistem pendidikan dan latihan juga akan memberi tumpuan kepada usaha memupuk daya cipta dan kemahiran kognitif untuk melahirkan tenaga manusia yang tinggi pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan serba boleh.

Sasaran utama adalah bagi menggalakkan lebih ramai wanita terutamanya yang mempunyai pendidikan tinggi untuk memasuki pasaran buruh.

Dr Mahathir berkata bagi mencapai tujuan itu, Akta Pekerjaan 1995 akan dipinda yang akan mengambilkira kaedah kerja yang baru seperti telekerja (teleworking), kerja sambilan dan perkongsian kerja.

Pesara yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai juga akan dipertimbangkan untuk bekerja semula mengikut keperluan, tambah beliau.

Pindaan Akta itu juga akan menggalakkan penubuhan taman asuhan dan didikan kanak-kanak di kawasan tempat tinggal serta memastikan peluang latihan yang lebih baik.

Beliau juga berkata dalam usaha menggalakkan ibu bapa menabung untuk pendidikan anak-anak mereka, kerajaan akan melancarkan Skim Simpanan Pendidikan dalam RMK8.

Pada masa yang sama untuk mendorong lebih banyak syarikat terutamanya perusahaan kecil dan sederhana menggunakan proses pengeluaran berintensif modal dan mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan, beberapa inisiatif akan dilaksanakan.

-- BERNAMA

NZ AHH PR